



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

GARIS PANDUAN TABUNG BANTUAN SEGERA MPOB

1. Tujuan dan Latar Belakang

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan anggota mengenai tatacara permohonan Tabung Bantuan Segera MPOB (TBSM).
- 1.2 TBSM telah diluluskan oleh Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga Ke-127 pada 22 Mei 2023. Penubuhan TBSM berkuatkuasa mulai 1 Jun 2023.
- 1.3 TBSM bertujuan untuk menghulurkan bantuan kewangan/barangan secara segera (bukan pampasan) kepada anggota MPOB yang ditimpa bencana atau musibah, sementara memperoleh bantuan lain daripada badan kebajikan atau Kerajaan.

2. Kekerapan Bantuan

- 2.1 Dari segi kekerapan, bantuan TBSM akan diberikan sekali sahaja setahun untuk seseorang anggota bagi membolehkan bantuan diberikan secara menyeluruh kepada anggota yang layak menerimanya.
- 2.2 Nilai bantuan TBSM kali kedua dan selanjutnya kepada anggota yang pernah menerima bantuan adalah tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Penilaian TBSM dan kedudukan kewangan MPOB.

3. Kuasa Melulus

Lembaga telah menurunkan kuasa meluluskan bantuan TBSM kepada mana-mana pegawai seperti berikut :

- i. Ketua Pengarah; atau
- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan)
- iii. Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)
- iv. Pengarah Kewangan & Pengurusan

4. Sumbangan Wang Tunai oleh Anggota Untuk TBSM

- 4.1 Anggota MPOB boleh menyumbang kepada TBSM melalui potongan gaji dengan kadar nilai pilihan sama ada RM3.00, RM5.00 atau RM10.00 sebulan selama setahun.
- 4.2 Borang permohonan pemotongan gaji bagi tujuan sumbangan tersebut (**Lampiran 1**) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Unit Sumber Manusia.

4.3 Permohonan pemotongan gaji untuk menyumbang kepada TBSM perlu diperbaharui setiap tahun, sekiranya anggota masih berminat meneruskan sumbangan berkenaan.

4.4 Anggota juga boleh terus menyumbang kepada akaun CIMB TBSM.

5. Anggota yang Layak Menerima Bantuan TBSM

Anggota yang layak menerima bantuan TBSM adalah seperti berikut:

- i. Anggota yang dilantik secara tetap, Contract of Service (CoS) dan Contract for Service (CfS) yang masih berkhidmat dengan MPOB ketika kejadian berlaku.
- ii. Kategori-kategori lain anggota yang layak akan ditentukan oleh pihak Pengurusan dari semasa ke semasa.

6. Nilai Bantuan

Nilai bantuan TBSM adalah seperti berikut:

- i. Kadar bantuan yang diberikan kepada anggota yang ditimpa musibah dan bencana alam adalah antara RM1,000.00 hingga RM5,000.00 seperti Panduan Jumlah Bantuan Segera Kepada Anggota MPOB di **Lampiran 2** (tertakluk kepada tahap kerosakan atau kesulitan yang dialami).
- ii. Waris anggota yang meninggal dunia akan menerima Bantuan Pengurusan Jenazah sebanyak RM3,000 dan Bayaran Van Jenazah (tertakluk kepada permohonan tuntutan berdasarkan resit).
- iii. Anggota yang kematian pasangan (perkahwinan didaftarkan secara undang-undang Malaysia dan dimaklumkan secara rasmi kepada Unit Sumber Manusia) layak menerima bantuan sebanyak RM1,000.00.
- iv. TBSM juga boleh digunakan untuk tujuan misi bantuan kemanusiaan yang melibatkan anggota MPOB.

7. Kaedah Permohonan

- 7.1 Permohonan TBSM mesti diterima daripada sumber yang sah. Ia boleh dilaporkan oleh mangsa kejadian atau mana-mana anggota MPOB kepada Ketua Unit Sumber Manusia.
- 7.2 Laporan mengenai kejadian tersebut hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan.
- 7.3 Mana-mana anggota yang hendak melapor musibah tersebut hendaklah mengisi borang seperti **Lampiran 3**.

8. Tempoh Penerimaan Bayaran TBSM

- 8.1 Unit Sumber Manusia sebagai urusetia akan menguruskan bayaran TBSM setelah keputusan dibuat oleh Pegawai Pelulus.
- 8.2 Bayaran akan diterima oleh penerima dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh laporan, sekiranya dokumen yang diterima oleh Pegawai Pelulus adalah lengkap.

9. Tarikh Kuat Kuasa

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2023. Walau apa pun peruntukan dalam garis panduan ini, pihak pengurusan berhak meminda dari semasa ke semasa.



(DATUK DR. AHMAD PARVEEZ BIN GHULAM KADIR)

Ketua Pengarah MPOB

Tarikh: 26/5/2023

Nota : * Tandakan ✓
 **potong mana yang tidak berkenaan.



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
 MALYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)**

**BORANG PERMOHONAN SUMBANGAN
 TABUNG BANTUAN SEGERA MPOB
 MELALUI PEMOTONGAN GAJI**

Kepada : Ketua Unit Sumber Manusia

A. MAKLUMAT DIRI ANGGOTA

1. Nama
2. No. Anggota :
3. Tempat Bertugas :
4. Jawatan: Gred :

B. NILAI SUMBANGAN * SETIAP BULAN SELAMA SETAHUN

RM3.00

RM5.00

RM10.00

C. PENGESAHAN PEMOHON

Saya mengesahkan bersetuju menyumbang kepada Tabung Bantuan Segera MPOB melalui potongan gaji selama setahun mulai bulanTahun.....

.....
 (Tandatangan)

Tarikh:

KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan pemotongan gaji bagi anggota adalah **DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN**** mulai.....hingga

Tandatangan :

Cap rasmi :

Tarikh :

PANDUAN JUMLAH BANTUAN TBSM

Jenis Kerosakan	Minimum Bantuan Segera (RM)	Maksimum Bantuan Segera (RM)	Catatan
Rumah yang didiami	1,500.00	5,000.00	Tertakluk kepada tahap kerosakan. Jika anggota mendiami rumah sewa, peralatan yang dimiliki oleh penyewa akan dinilai.
Kereta/motor utama yang terlibat dalam bencana alam (digunakan oleh anggota sendiri)	500.000	3,000.00	Bantuan kerosakan selanjutnya boleh dituntut oleh anggota kepada pihak insurans kenderaan berkenaan. Hanya kereta/motor yang tenggelam sepenuhnya layak dipertimbangkan bantuan maksimum TBSM.
Bencana Banjir	Nilai Bantuan (RM)		
Kategori 1 0.3 meter hingga 0.5 meter	1,000.00		
Kategori 2 0.5 meter hingga 1 meter	3,000.00		
Kategori 3 Melebihi 1 meter	5,000.00		

Nota: Bantuan juga boleh berupa barangan keperluan dalam kes-kes tertentu sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Penilai TBSM.

Nota : * Tandakan ✓
 **potong mana yang tidak berkenaan.



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
 MALYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)**

**BORANG LAPORAN MUSIBAH
 TABUNG BANTUAN SEGERA MPOB**

Kepada : Ketua Unit Sumber Manusia

A. MAKLUMAT DIRI ANGGOTA

1. Nama :
2. No. Anggota :
3. Tempat bertugas :
4. Jawatan : Gred :
5. No Telefon :
6. Jenis musibah :
7. Tarikh kejadian :
8. Dokumen sokongan seperti gambar bukti musibah (contohnya menerusi aplikasi *WhatsApp*, laporan polis, laporan media dan pengesahan kematian/sijil kematian (bagi kes melibatkan kematian anggota atau pasangan anggota).

B. PENGESAHAN PELAPOR

Saya bertanggungjawab mengemukakan laporan di Bahagian A.

Nama : Jawatan:

.....
 (Tandatangan)

Tarikh:

C. PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan laporan di Bahagian A adalah benar.

Nama:

Jawatan dan cap rasmi :

.....
 (Tandatangan)

Tarikh:

KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan TBSM bagi anggota adalah **DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN****

Tarikh bayaran :

Cara bayaran :

Tandatangan :

Cap rasmi :

Jumlah bayaran :

Tarikh:.....